



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**PERATURAN PEMARKAHAN  
MPP 3 TAHUN 2021**

**TINGKATAN 5  
TASAWWUR ISLAM  
5226**

---

---

---

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman bercetak

## BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	DOA	11	EFEKTIF
2	'ALAMIYYAH	12	INTEGRITI
3	BAKHIL	13	PRAKTIKAL/ MAMPU DIAMALKAN
4	AKAL	14	MENYELESAIKAN MASALAH KEHIDUPAN
5	BERSANGKA BAIK	15	TIDAK MAMPU MEMBEZAKAN PERKARA GHAIB
6	HAMBA	16	BERUBAH DAN BERKEMBANG
7	SYURA	17	√
8	RAKYAT	18	X
9	MEMBUNUH DENGAN SENGAJA/ NIAT MEMBUNUH	19	X
10	MEMBUNUH DENGAN TIDAK SENGAJA	20	√

**BAHAGIAN B**

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	<p><b>Maksud Islam sebagai al-Din</b> Islam adalah cara hidup yang lengkap / merangkumi akidah, ibadah dan akhlak</p>	[2 markah]
		(ii)	<p><b>Tindakan bagi menjadikan Islam sebagai cara hidup;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca / menghayati / mengamalkan al-Quran (1m) bagi mendapat panduan dalam kehidupan.(1m)</li> <li>• Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan (1m) agar dapat mengikuti akhlak Baginda SAW. (1m)</li> <li>• Mendalami ilmu asas Islam (1m) agar dapat membezakan buruk dan baik.(1m)</li> </ul>	1 isi X 2m [2 markah]
	(b)		<p><b>Dua jenis ibadah dan contoh;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibadah Khusus, contoh solat / puasa / berzakat dll.</li> <li>• Ibadah Umum, contoh bekerja / belajar dll.</li> </ul>	2 isi X 2m [4 markah]
	(c)	(i)	<p><b>Maksud hak milik harta menurut Islam ialah</b> Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan / menurut kehendak syarak.</p>	[2 markah]
		(ii)	<p><b>Dua kesan memiliki harta yang halal kepada individu;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harta diberkati Allah SWT(1m) kerana mengikut syariat.(1m)</li> <li>• Hidup tentaram(1m) kerana mengikut jalan yang benar.(1m)</li> <li>• Disukai oleh masyarakat (1m) kerana berurusan dengan cara yang betul.(1m)</li> </ul>	2 isi X 2m [4 markah]
	(d)	(i)	<p><b>Dua ciri pegangan akidah yang benar bagi megelakkan ajaran sesat.;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berasaskan tauhid.</li> <li>• Bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.</li> <li>• Berlandaskan ilmu, iman dan amal.</li> <li>• Berasaskan dalil naqli dan aqli.</li> </ul>	2 isi X 1m [2 markah]
		(ii)	<p><b>Contoh jawapan</b> Saya dapat mengelakkan diri daripada anasir ajaran sesat dengan meningkatkan ilmu pengetahuan agama (1F/1M) dengan membaca buku-buku agama atau mendengar kuliah daripada guru yang bertaulah. (H1/ 1M) Hal ini akan menjadikan saya dapat mengetahui ajaran yang benar dan yang salah.(HL/1M) Oleh itu, kita hendaklah memastikan setiap perkara yang dilakukan adalah berasaskan ilmu yang betul agar tidak terjebak dengan perkara yang tidak baik.(K/1M)</p>	Isi 1M Huraian 1M HL 1M K 1M [4 markah]

NO SOALAN		JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	<p><b>Empat alam yang dilalui oleh manusia ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Alam Roh</li> <li>- Alam Rahim</li> <li>- Alam Dunia</li> <li>- Alam Barzakh/ kubur</li> <li>- Alam Akhirat</li> </ul>	4 isi x 1m [ 4 Markah ]
	(b)	<p>(i) <b>Maksud manusia sebagai khalifah Allah ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi/ selari dengan kehendak syariat</li> </ul>	1isi x 2m [ 2 Markah ]
		<p>(ii) <b>Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah dalam bidang ekonomi ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan ekonomi agar maju dan pesat (1m) untuk membangunkan negara(1m)</li> <li>- Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat (1m) agar seimbang golongan kaya dan miskin (1m)</li> <li>- Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar (1m) kerana mengamalkan ekonomi Islam.(1m)</li> </ul>	2 isi x 2m [ 4 Markah ]
	(c)	<p><b>Dua cara untuk memastikan sistem perundangan Islam dapat diaplikasikan dalam sesebuah negara ialah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan cara hidup Islam (1m) yang mementingkan keamanan (1m)</li> <li>- Berpegang teguh dengan ajaran al Quran (1m) yang mensyariatkan undang-undang yang syumul (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m [ 4 Markah ]
	(d)	<p><b>Berdasarkan keratan akhbar di atas perkara tersebut masih berlaku adalah disebabkan;</b></p> <p>Iman yang lemah dan kurang penghayatan Islam dalam kehidupan (1F/1M) kerana masyarakat memandang remeh terhadap hukum agama (H1/1M) . Masyarakat lebih mementingkan kebendaan dan kemewahan hidup (H2/1M) tanpa memikirkan soal halal dan haram (H3/1M).Kesannya lahirnya masyarakat yang melanggar perintah Allah (H4/1M).Oleh itu kita hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan Islam agar hidup sejahtera di dunia dan akhirat. (1K/1M)</p>	Isi 1m Huraian 4m K 1m [ 6 Markah ]

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	(i)	<b>Dua adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.</li> <li>Perhubungan atas dasar iman dan takwa kepada Allah SWT.</li> <li>Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu.</li> <li>Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa.</li> </ul>	2 isi X 1m [2 markah]
		(ii)	<b>Maksud konsep kekeluargaan Islam ialah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Satu unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.</li> </ul>	[2 markah]
	(b)	(i)	<b>Dua asas pergaulan dalam Islam ialah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Saling mengenali (Ta'ruf)</b> (1m) seperti memberi salam ketika bertemu untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim.(1m)</li> <li><b>Saling memahami ( Tafahum)</b> (1m) seperti bersikap berlapang dada dan pemaaf bagi sretiap teguran yang diterima.(1m)</li> <li><b>Saling bekerjasama ( Ta'awun )</b> (1m) seperti saling tolong menolong mereka yang memerlukan bantuan dalam meneruskan kelangsungan hidup.(1m)</li> </ul>	1m
		(ii)	<b>Dua faedah pergaulan mengikut syariat kepada masyarakat.</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membentuk masyarakat yang saling menghormati (1m) agar kehidupan aman sejahtera walaupun berlainan kaum.(1m)</li> <li>Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu (1m) kerana masing-masing saling memahami adat budaya yang berlainan.(1m)</li> </ul>	2 isi X 2m [4 markah]
		(ii)	<b>Empat prinsip negara Islam ialah :</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Musyawahah (Al-Syura)</li> <li>Keadilan (Al-'Adalah )</li> <li>Kebebasan ( Al-Huriyyyah )</li> <li>Persamaan (Al-Musawwah ).</li> </ul>	4 isi X 1m [4 markah]
	(c)		<b>Contoh jawapan</b> Kepimpinan sesebuah negara yang baik akan mendapat keredaan Allah SWT (IF/1M) kerana mengamalkan pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis serta ditadbir urus dengan baik(H1/1M). Kesannya kepimpinan ini akan membawa kesejahteraan kepada negara dan rakyat akan hidup dalam keadaan harmoni(HL/1M). Kesimpulannya pemimpin yang diamanahkan ini perlulah menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan penuh amanah untuk kesejahteraan negara yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. (K/1M)	Isi 1M Huraian 1M HL 1M K 1M  [4 markah]

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	<b>Pengertian akhlak mahmudah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Akhlak mahmudah</b> ialah perbuatan terpuji menurut pandangan akal dan syariat Islam..</li> </ul>	1 isi X 2m [2 markah]
		(ii)	<b>Dua contoh akhlak mahmudah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sabar</li> <li>- Hormat menghormati</li> <li>- Tolong menolong</li> <li>- Penyayang</li> <li>- Pemaaf</li> </ul> (mana- mana contoh akhlak terpuji diterima)	2 isi X 1m [2 markah]
		(iii)	<b>Peranan akhlak mahmudah dalam masyarakat;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan suasana harmoni (1m) kerana hidup saling berkasih sayang.(1m)</li> <li>• Meneguhkan perpaduan masyarakat (1m) kerana saling bantu membantu.(1m)</li> </ul>	1 isi X 2m [2 markah]
	(b)	(i)	<b>Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesuai dengan fitrah / akal manusia.</li> <li>• Rahmat bagi sekalian alam.</li> </ul>	2 isi X 1m [2 markah]
		(ii)	<b>Dua kepentingan mengamalkan prinsip Rabbaniyyah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami tujuan hidup yang sebenar (1m) untuk mengabdikan diri kerana Allah SWT.(1m)</li> <li>• Mudah untuk melakukan ibadah (1m) mengikut kemampuan diri.(1m)</li> </ul>	2 isi X 2m [4 markah]
	(c)	(i)	<b>Dua jenis muamalah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Takaful</li> <li>• Al-Ijarah</li> </ul>	2 isi X 1m [2 markah]
	(d)	(i)	<b>Jenis pekerjaan;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerja sendiri(1m)</li> </ul>	1 isi x 1m [1 Markah]
		(ii)	<b>Kebaikan bekerja;</b> Membolehkan seseorang menentukan sendiri hala tuju pekerjaannya(F/ 1M) agar lebih berkembang maju(H1/ 1M) tanpa campur tangan dari pihak lain(H2/1M), contohnya membina empayar perniagaan dan perusahaan sendiri (H3/1M) mengikut prinsip-prinsip yang dibenarkan syarak (H4/ 1M) agar turut memberi manfaat dan keuntungan kepada masyarakat dan negara (H5/ 1M).	1 Isi x 1m 4 Huraian x 4m [5 Markah]

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH						
5.	(a)	(i)	<b>Maksud wahyu</b> ialah kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan Rasul / melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s atau terus daripada Allah SWT.	1 isi x 2m [ 2 markah]						
		(ii)	<b>Dua perbezaan di antara wahyu dan akal;</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">WAHYU</th> <th style="width: 50%;">AKAL</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja.</li> </ul> </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dianugerahkan kepada semua manusia untuk berfikir.</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW.</li> </ul> </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terus berkembang sehingga hari kiamat.</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	WAHYU	AKAL	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dianugerahkan kepada semua manusia untuk berfikir.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terus berkembang sehingga hari kiamat.</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
WAHYU	AKAL									
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dianugerahkan kepada semua manusia untuk berfikir.</li> </ul>									
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terus berkembang sehingga hari kiamat.</li> </ul>									
	(b)	(i)	<b>Dua perkara yang dilarang oleh Islam yang boleh merosakkan akal;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan.</li> <li>▪ Menonton dan membaca bahan lucah.</li> <li>▪ Memikirkan zat Allah SWT.</li> </ul>	2 isi x 1m [2 markah]						
		(ii)	<b>Pada pendapat saya langkah yang bijak perlu dilakukan bagi menangani masalah ketagihan gam selain daripada mewujudkan akta bahan khayal ialah;</b> Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat (F1/ 1M) tentang keburukan akibat penagihan gam(H1/ 1M). Ini dapat mengurangkan kadar pertumbuhan penagihan gam di kalangan kanak-kanak(H2/ 1M) kerana ianya boleh menjejaskan kemajuan negara(H3/ 1M). Dengan itu negara dapat membangun dan bertambah maju tanpa dibelenggu masalah penagihan dadah dan gam.(K/1M)	Isi 1m Huraian 1m HL 1m Kesimpulan 1m [4 markah]						
	(c)		<b>Dua kriteria kesalahan yang boleh dikenakan hukuman takzir ialah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesalahan hudud atau qisas yang tidak cukup bukti (1m) untuk dikenakan tindakan hudud atau qisas(1m)</li> <li>▪ Kesalahan khalwat atau mencuri yang tidak cukup nisab.(1m) agar memberi keadilan sewajarnya.(1m)</li> <li>▪</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]						
	(d)		<b>Dua hikmah tindakan ini perlu dilakukan ialah;</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menghalang diri daripada melakukan perkara sia-sia (1m) agar dirahmati oleh Allah SWT. (1m)</li> <li>▪ Menambah pahala/ keberkatan hidup (1m) kerana berusaha melakukan perintah dan meninggalkan larangan Allah.(1m)</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]						

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
6	(a)	(i)	<b>Dua adab dan etika dalam berhibur menurut Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan.</li> <li>▪ Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak.</li> <li>▪ Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam.</li> <li>▪ Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur.</li> <li>▪ Menghasilkan karya hiburan yg asli.</li> <li>▪ Tidak mengganggu dan menzalimi org lain.</li> </ul>	2 isi x 1m [2 markah]
		(ii)	<b>Dua ciri hiburan menurut Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bertujuan untuk perkara kebaikan.</li> <li>▪ Betulkan niat mengadakan program untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.</li> <li>▪ Program hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa.</li> <li>▪ Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.</li> </ul>	2 isi x 1m [2 markah]
	(b)	(i)	<b>Konsep kesenian menurut Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa.</li> <li>▪ Berteraskan syariat Islam.</li> <li>▪ Meliputi aspek iman dan akhlak.</li> <li>▪ Bersifat menyeluruh yang meliputi fizikal dan kerohanian.</li> </ul>	2 isi x 1m [2 markah]
		(ii)	<b>Dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengakui dan meyakini kekuasaan Allah SWT Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan (1m) agar kehidupan disayangi oleh Allah SWT.(1m)</li> <li>▪ Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (1m) agar diberi ganjaran syurga (1m)</li> <li>▪ Memenuhi fitrah manusia (1m) yang menyukai keindahan selari dengan syarak.(1m)</li> <li>▪ Mengetahui batasan manusia(1m) dalam berkarya.(1m)</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
	(c)		<b>Pandangan saya tentang kesenian berdasarkan hadis ialah</b> Islam tidak melarang kesenian(F1/1M) kerana Islam membuka ruang untuk umatnya mengembangkan bakat dan potensi(H/1M) selagi tidak melanggar batasan agama dan akhlak(HL/1M). Oleh itu kita hendaklah sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik dalam semua urusan agar ianya dapat dimanfaatkan oleh manusia lain.(K/1M)	Isi 1m Huraian 1m HL 1m Kesimpulan 1m [4 markah]
	(d)	(i)	<b>Dua prinsip tadbir urus dalam Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bersumberkan al-Quran &amp; al-Hadis.</li> <li>▪ Bermatlamatkan dunia dan akhirat.</li> <li>▪ Pentadbir sebagai pemegang amanah.</li> <li>▪ Berasaskan keimanan kepada Allah SWT.</li> <li>▪ Berteraskan nilai-nilai akhlak.</li> </ul>	2 isi x 1m [2 markah]
		(ii)	<b>Dua kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan dari sudut organisasi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi(1m) agar perkhidmatan berjalan lancar.</li> <li>▪ Menaikkan imej sesebuah organisasi (1m) agar disegani oleh pelbagai pihak(1m)</li> <li>▪ Menyelesaikan sesuatu urusan (1m) secara rundingan dan muafakat.(1m)</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**